



JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI SELANGOR



PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Ogos/September

2 $\frac{1}{4}$  jam

Dua jam lima belas minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---


Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah yang diperoleh daripada industri pertanian. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Keluarga, rakan sebaya, masyarakat, dan pendidikan agama dan moral memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang remaja.  
Berikan pendapat anda tentang pernyataan tersebut.
- 2 Kebanyakan anak hari ini berdepan dengan pelbagai masalah. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis rencana untuk disiarkan dalam akhbar tempatan.  
Tajuk rencana tersebut ialah "Peranan Keluarga dalam Membantu Anak-anak Mengatasi Masalah".  
Tulis rencana itu selengkapnya.
- 3 Penggunaan telefon bimbit dalam kalangan masyarakat pada masa ini semakin popular kerana banyak memberikan kemudahan kepada penggunanya.  
Huraikan kesan-kesan penggunaan telefon bimbit kepada masyarakat.
- 4 Pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam memajukan sesebuah negara.  
Huraikan kerjasama Malaysia dan negara-negara dunia dalam meningkatkan mutu pendidikan negara.
- 5 Anda telah terpilih untuk mengulas sebuah novel bertemakan kegigihan sempena pelancaran program NILAM.  
Tulis ulasan novel tersebut dengan lengkap.

**KERTAS SOALAN TAMAT**



PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Ogos/September

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang sebab-sebab berlakunya pencemaran air dan usaha-usaha untuk mengatasi masalah pencemaran air. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Air merupakan sumber semula jadi yang sangat penting bagi kehidupan di muka bumi ini. Bumi diliputi oleh 71 peratus air dengan isi padu air dianggarkan lebih kurang 1.386 bilion km padu. Sebahagian besar air diperlukan dalam kehidupan seharian kita. Oleh sebab manusia merupakan pengguna utama sumber semula jadi ini, maka tidak hairanlah kita juga ialah penyumbang yang terbesar kepada masalah pencemaran air.

Pencemaran air yang paling besar berpunca daripada pembuangan sisa kumbahan yang tidak sempurna. Pencemaran air menerusi sisa kumbahan ini bertambah buruk di kawasan yang tidak mempunyai sistem pembetungan yang sempurna, terutamanya di kawasan luar bandar yang pengaliran sisa kumbahan disalurkan terus ke dalam sungai. Aktiviti pertanian sama ada yang berskala kecil mahupun berskala besar turut menjadi faktor pencemaran air. Pembukaan dan penerokaan tanah yang tidak terkawal telah menyebabkan hakisan tanah seterusnya mencemarkan air sungai kesan daripada bahan terampai dan keladak yang dibawa ke dalam sungai. Penggunaan racun serangga dan baja kimia dalam bidang pertanian turut mencemarkan air. Keadaan ini pastinya memberikan kesan kepada kehidupan akuatik dan keindahan alam semula jadi.

Aktiviti penternakan juga menjadi masalah besar kepada pencemaran air. Aktiviti penternakan seperti penternakan ayam, lembu, kambing, dan babi direkodkan sebagai penyebab utama pencemaran air akibat najis dan sisa kotoran yang dihasilkan. Sikap ambil mudah masyarakat yang membuang sampah terus ke dalam longkang dan sungai memburukkan lagi keadaan. Isu seperti air yang berbau busuk dan tidak menyenangkan yang pernah berlaku di Selangor dan Putrajaya ialah contoh paling jelas kesan pencemaran air akibat aktiviti pembuangan sampah yang tidak terurus. Pengaliran dan pembuangan sisa perindustrian secara tidak selamat juga semakin serius dan menyumbang kepada pencemaran air. Air sungai yang tercemar akan memberi kesan buruk kepada kesihatan manusia akibat sisa buangan industri yang mengandungi bahan keluli, bakteria, bahan-bahan organik, dan bukan organik yang tidak dirawat dengan betul.

Kegiatan ekonomi manusia yang mementingkan keuntungan semata-mata seperti pembalakan, penerokaan, dan tebus guna tanah juga menyebabkan air terus tercemar. Menurut Jabatan Alam Sekitar (JAS), aktiviti pembukaan tanah menjadi punca utama pencemaran 31 lembangan sungai di seluruh negara. Air buangan daripada kegiatan perniagaan dan industri dipercayai menyumbang kepada penurunan kualiti air sungai. Di bandar-bandar besar, kebanyakan restoran, gerai, dan warung makanan berlesen dipercayai mengalirkan air buangannya terus ke dalam longkang, yang akhirnya mengalir ke sungai.

Masalah pencemaran air di negara kita pada hakikatnya semakin serius walaupun masih terkawal. Oleh itu, bersama-samalah kita menjaga kesejahteraan alam sekitar terutamanya air.

(Dipetik dan diubah suai daripada  
'Air: Bersyukurkah kita?'  
oleh Roslan Latch,  
Dewan Siswa, April 2010)

1103/2 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

1103/2 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

[ Lihat halaman sebelah

1103/1 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2 (a) - Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *semakin serius*. [2 markah]

(ii) Pengarang mengemukakan beberapa kesan yang akan timbul akibat pencemaran air. Nyatakan kesan-kesan tersebut. [3 markah]

(iii) Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mengawal pencemaran air daripada terus berlaku, namun pencemaran air menjadi semakin tidak terkawal. Pada pendapat anda, apakah **dua** kekangan yang menyebabkan usaha-usaha yang dilakukan agak kurang berkesan? [4 markah]

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

**Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Allah dah bagi rezeki kita di sini, kita terimalah. Lagi pula usaha kita tak sia-sia. Lihat anak-anak kita yang membesar dan mampu kita sekolahkan hingga peringkat yang paling tinggi tanpa bantuan daripada sesiapa."

"Betul, pak." Tiba-tiba dari tunggul belian muncul Ajam, anaknya yang sulung. "Saya mampu membuka perniagaan pengangkutan bas antarkota melalui hasil daripada modal ribuan ringgit yang diberikan oleh bapa. Kemudian perniagaan saya semakin berkembang berkat suntikan dana demi dana yang juga diberikan oleh bapa."

"Lagi pula pak, hutan yang dulu digondol oleh bapa itu kini sudah menjadi kawasan perladangan. Lihat estet-estet kelapa sawit yang saujana mata memandang." Dari tunggul keruing, muncul Bakar, anaknya yang nombor dua. Bakar ialah seorang Sarjana Pertanian yang bekerja sebagai pengurus ladang di sebuah estet kelapa sawit.

"Begitulah, pak. Memang, dalam setiap pembangunan sesebuah negara selalu saja ada sisi lain daripada kehidupan ini yang perlu dikorbankan. Kawasan hutan dikorbankan untuk kawasan pertanian. Seharusnya bapa bangga kerana bapa telah ikut menyumbang tenaga membangunkan negara ini. Jadi bapa tidak perlu menyesal." Dari tunggul seraya, muncul Melati, anaknya yang bernombor tiga. Dia seorang pensyarah di sebuah Institut Pengajian Tinggi.

(Dipetik daripada  
cerpen 'Hutan Rimba'  
oleh Sasjira,  
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan kejayaan yang telah dicapai oleh anak-anak Pak Tua seperti dalam petikan. [2 markah]
- (ii) Andaikan anda Pak Tua, apakah tindakan-tindakan yang wajar anda ambil untuk memulihara hutan? [3 markah]
- (iii) Huraikan satu perwatakan Pak Tua yang terdapat dalam petikan di atas dan satu lagi perwatakan lain daripada keseluruhan cerpen. [4 markah]

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

**Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

TuanKu Nakhoda Tua segera menjengah ke petak jubung. Dilihatnya ada seorang muda yang sangat tampan dengan wajahnya berseri-seri bagai purnama empat belas hari bulan *tertegun kaum* lalu kembali bertanya kepada puterinya. "Hai anakanda, siapakah pemuda yang di dalam jubung itu?"

"Dialah budak hitam yang meminta tolong bayarkan hutangnya kepada ayahanda dulu, tetapi telah ayahanda nyahkan dia."

"Siapa namanya?"

"Itulah Awang Sulung Merah Muda, anak TuanKu Si Helang Laut, cucu kepada TuanKu Si Helang Mawai. Dialah yang sebenarnya bertanggungjawab memelihara gelung dan isinya selama ini. Sekarang marilah ayahanda lihat isi gelung kita ini, telah penuhlah dengan wang dinar emas pemberian bajak laut."

TuanKu Nakhoda Tua merasa takjub melihatkan demikian banyaknya wang dinar emas di dalam gelung itu. "Panggilkan Awang Sulung ke mari!" perintah baginda kepada jurubatu sementara jurumudi mulai menggeletar ketakutan.

Awang Sulung enggan menghadap, kerana katanya beliau anak sakai yang tidak layak datang menghadap.

Mendengar jawapan itu TuanKu Nakhoda Tua bertanya kepada puterinya, "Wahai anakanda, nampaknya Awang Sulung telah berkecil hati kepada ayahanda, sedangkan dulu ayahanda tidak tahu tentang kelebihanannya! Pergilah anakanda memanggilnya pula."

(Dipetik daripada  
'Pelayaran Yang Penuh Peristiwa'  
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *tertegun kaum* berdasarkan petikan di atas. [2 markah]
- (ii) Nyatakan sebab-sebab Awang Sulung enggan menghadap TuanKu Nakhoda Tua. [3 markah]
- (iii) Andainya anda Tuan Puteri Dayang Seri Jawa, apakah yang perlu anda lakukan untuk memujuk Awang Sulung supaya menghadap TuanKu Nakhoda Tua?  
  
Berikan dua cadangan anda. [3 markah]

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.



**Soalan 2 (d) - Petikan Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**DI BAWAH LANGIT YANG SAMA**

Di bawah langit yang sama  
 Kita hirupi udara  
 Tanpa mengira Beirutmu  
 Ataupun Kuala Lumpurku  
 Kita menghirup udara  
 Di bawah langit yang sama.

Aku suka gerimis di Kota London  
 Pernah terpesona angin dingin-tajam di Washington  
 Pohon-pohon hijau atau aneka warna  
 tiada bezanya.

Siapa pun menghuni Australia penghuni Afrika  
 Kerana di bawah langit ini  
 Kita sama.

Aku ingin menyeberangi Laut China Selatan  
 Layari Lautan Teduh rentasi Laluan Sutera  
 Berkongsi siang miliki malam  
 Anyam cinta pelantikan zaman  
 Tiupkan harapan senada  
 Sesama kita - warga dunia  
 Di bawah langitnya  
 Yang sama.

Peta-peta itu yang memisahkan  
 Jangan tutup pos sempadan  
 Visa hanya keperluan rasmi seketika  
 Pasport dokumen pengenalan titik mula  
 Kita dakapi mimpi tak berbeza  
 gapai hasrat  
 Lebur kebencian kuburkan sejarah hitam  
 Di bawah langit ini yang  
 Sama.

**Lim Swee Tin**  
 Potret Harum Kuntum-kuntum Zaitun, 2006  
 Citra Kurnia Enterprise  
 Dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,  
 Dewan Bahasa dan Pustaka

1103/2 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN CETAKAN DAN 2 HALAMAN TIDAK CETAKAN.

1103/2 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

[ Lihat halaman sebelah

1103/1 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

- (i) Berikan latar tempat luar negara yang terdapat dalam sajak. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang perlu dilakukan untuk mewujudkan keamanan dunia? [3 markah]
- (iii) Nyatakan dua nilai yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

(a) **Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

- (i) menggulai
- (ii) menumis
- (iii) menggoreng
- (iv) menyang
- (v) memotong
- (vi) mencantas

[6 markah]

(b) **Tukarkan ayat songsang berikut kepada ayat susunan biasa.**

- (i) Dari jauh sudah kelihatan Menara Berkembar Petronas itu.
- (ii) Sungguh indah pemandangan di Taman Negara.
- (iii) Bagi memudahkan kita membuat perancangan saya mohon penjelasan yang lebih lanjut.

[6 markah]

(c) **Dalam setiap ayat di bawah, terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.**

Penggunaan e-mail pada hari ini banyak memberi kemudahan untuk berkomunikasi dengan cepat. Sesuatu mesej dapat disampaikan dalam berapa saat sahaja, walaupun pada peringkat antara bangsa. Mesej juga dapat dihantar kepada lebih daripada seorang penerima dan diguna secara meluas dewasa ini.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Wanita itu amat rindukan anaknya sehingga tanpa segan malu meraung apabila dimaklumkan oleh polis bahawa anaknya masih belum dijumpai.
- (ii) Adalah dimaklumkan bahawa hari esok diumumkan sebagai cuti awam.
- (iii) Ibu sedang memotong ikan di dapur, sementara ayah memperbaiki keretanya yang rosak.

[6 markah]

(e) Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

- (i) Abangnya menegur sikap adiknya yang suka menangguhkan kerja sedangkan abangnya juga sering berbuat demikian, sikap abangnya \_\_\_\_\_
- (ii) Kita tidak boleh bersikap \_\_\_\_\_ kerana tamak, akhirnya diri sendiri yang rugi.
- (iii) Pasangan pengantin itu sama cantik, sama padan \_\_\_\_\_

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan satu daripada novel-novel yang berikut:

- (i) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (ii) Azfa Hanani karya Halis Azlan Mohd. Hanafiah
- (iii) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (iv) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusuf
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (viii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah

(a) Terdapat pelbagai latar tempat yang dipaparkan dalam sesebuah novel.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan **dua latar tempat** serta **peristiwa** yang dikaitkan dengan latar tempat tersebut.

[7 markah]

(b) Jelaskan **dua teknik plot** yang terdapat dalam sebuah novel yang telah anda pelajari.

[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**